

PANDUAN MELENGKAPKAN PAKEJ SETUJU TERIMA TAWARAN

1. Calon perlu melengkapkan Pakej Setuju Terima Tawaran (PSTT) yang mengandungi dokumen seperti berikut:

- Surat Setuju Terima Tawaran Pelantikan
- Borang Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam*
- Surat Akuan Sumpah*
- Surat Aku Janji— akan dibuat selepas calon melapor diri bertugas di hadapan Ketua Jabatan
- Penyata Kewangan 8 (Kew. 8) – salinan akan diperolehi selepas calon melapor diri bertugas.

Peringatan: Dokumen bertanda * perlu diselesaikan sebelum melapor diri dan Ketua Jabatan mesti menyemak dokumen ini supaya teratur dan mengikut syarat lantikan. Calon tidak akan dibenarkan untuk melapor diri sekiranya dokumen bertanda* tidak disempurnakan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]

2. DOKUMEN PSTT

I. Surat Setuju Terima Tawaran Pelantikan

- Surat Setuju Terima Tawaran Pelantikan perlu diisi dan dilengkapkan sebelum calon melapor diri. Sila isi nama, nombor kad pengenalan, jawatan, nombor rujukan dan tarikh **SURAT TAWARAN SPP**.
- Ruangan ketua jabatan, tarikh memegang jawatan dan alamat tempat bertugas hanya akan diisi apabila calon **telah** mendapat penempatan. Contoh pengisian Surat Setuju Terima Tawaran Pelantikan sila rujuk [disini](#).

II. Borang Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam

- Calon hendaklah diperiksa oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.
- Pengamal Perubatan berdaftar ialah pegawai perubatan **kerajaan** atau **swasta** yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

- Laporan pemeriksaan kesihatan **perlu** dikemukakan **pada tarikh melapor diri bertugas.**
- Calon **tidak** akan diterima untuk melaporkan diri sekiranya gagal mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan yang **LENGKAP** pada tarikh melapor diri.
- Kos pemeriksaan kesihatan adalah ditanggung sepenuhnya oleh calon **melainkan** pemeriksaan yang dibuat di hospital/ klinik Kerajaan.
- Sila lengkapkan Bahagian A, B dan C. Saksi di Bahagian C hendaklah terdiri daripada Pegawai dalam **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** dan ke atas dalam **Perkhidmatan Awam** sahaja.

Pengakuan Saksi *

Saya dengan ini mengesahkan maklumat kesihatan di **Bahagian B** dibuat oleh pemohon dan tandatangan di **Bahagian C** adalah tandatangan pemohon.

Tandatangan Saksi* : _____
 Nama Saksi* : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Tarikh : _____
 Cop Rasmi Jawatan :

* Pegawai dalam **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** dan ke atas dalam **Perkhidmatan Awam** sahaja.

- Bahagian D, E dan F akan dilengkapi oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

III. Surat Akuan Sumpah

- Rujuk [LAMPIRAN](#) untuk panduan mengisi **SURAT AKUAN SUMPAAH**

IV. Surat Aku Janji

- Surat Aku Janji hendaklah ditandatangani semasa/selepas urusan lapor diri.

V. Penyata Kewangan 8 (Kew. 8)

- Penyata Kewangan 8 akan dikeluarkan oleh jabatan **selepas** urusan penempatan dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.